



KENYATAAN MEDIA
YAB TIMBALAN PERDANA MENTERI DAN MENTERI PERALIHAN
TENAGA DAN TRANSFORMASI AIR

MESYUARAT JAWATANKUASA TEKNIKAL DI BAWAH
MAJLIS TINDAKAN PELAKSANAAN PERJANJIAN MALAYSIA 1963
BILANGAN 2 TAHUN 2025

18 OGOS 2025

1. Hari ini saya mempengerusikan Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal di bawah Majlis Tindakan Pelaksanaan Perjanjian Malaysia 1963 kali kedua bagi tahun 2025. Mesyuarat ini penting kerana ia merupakan persiapan bagi Mesyuarat Majlis Tindakan Pelaksanaan Perjanjian Malaysia 1963 (MTPMA63) Bilangan 1 Tahun 2025 yang akan dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri di Kuching, Sarawak dijangka pada 12 September 2025 nanti.

1. Mesyuarat pada hari ini turut dihadiri oleh wakil daripada Kerajaan Persekutuan, wakil daripada Kerajaan Negeri Sabah dan wakil daripada Kerajaan Negeri Sarawak termasuklah Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi, YB Datuk Ewon Benedick, Menteri Perpaduan Negara, YB Datuk Aaron Ago Dagang, Timbalan-Timbalan Premier Sarawak iaitu YB Datuk Amar Douglas Ugah Embas, YB Datuk Amar Haji Awang Tengah Ali Hasan dan YB Datuk Amar Professor Dr. Sim Kui Hian, dan Timbalan-Timbalan Ketua Menteri Sabah iaitu YB Datuk Seri Penglima Dr. Jeffrey G. Kitingan dan YB Datuk Ir. Shahelmey bin Yahya serta Menteri-Menteri, Timbalan-Timbalan Menteri, pegawai-pegawai kanan daripada Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri Sabah dan Sarawak.
2. Mesyuarat pada hari ini telah membincangkan sebanyak **dua (2) kertas makluman** yang dibentangkan oleh Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang, Jabatan Perdana Menteri (BHEUU, JPM) dan Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam (NRES). Mesyuarat pada hari ini telah memutuskan supaya dua kertas makluman tersebut untuk dibawa ke Mesyuarat MTPMA63 Bilangan 1 Tahun 2025 untuk diputuskan dan dimuktamadkan pelaksanaan dan kaedahnya.
3. Selain itu, mesyuarat juga telah dimaklumkan bahawa sebahagian besar tuntutan berkenaan Isu Pendidikan telah dipersetujui antara Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri Sabah dan Kerajaan Negeri Sarawak. Antara perkara yang telah dipersetujui adalah mengenai penglibatan dalam perancangan projek pembangunan pendidikan,

perkongsian maklumat mengenai perpindahan pegawai kanan dan penyaluran peruntukan untuk program pembangunan profesional. Bagi perkara yang tidak dipersetujui, ia akan terus dibincangkan dalam Jawatankuasa Tindakan Bersama Pembangunan Pendidikan Negeri Sabah dan Sarawak di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia.

4. Bagi Isu Kesihatan pula, sebahagian besar tuntutan Kerajaan Negeri Sabah dan Sarawak juga telah dipersetujui antaranya peningkatan kepada peruntukan belanja mengurus dan belanja pembangunan, kuasa autonomi kepada Pengarah Kesihatan Negeri dalam beberapa perkara dan pengukuhan sumber manusia di Jabatan Kesihatan Negeri Sabah dan Sarawak. Bagi perkara yang tidak dipersetujui, ia akan terus dibincangkan dalam Jawatankuasa Tindakan Bersama Pembangunan Kesihatan Negeri Sabah dan Sarawak di bawah Kementerian Kesihatan Malaysia.
5. Tuntutan-tuntutan lain yang masih belum selesai akan terus dipantau oleh Jawatankuasa Teknikal di bawah MTPMA63 dan jawatankuasa kerja berkaitan di bawah kementerian-kementerian yang berkaitan.